



**LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA  
(LAND SURVEYORS BOARD)**

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 10/( 6 )**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR  
No. Telefon: 03-41085191  
No. Faksimili: 03-41085178  
e-mail: secretary@ljt.org.my  
laman web: www.ljt.org.my

// Mac 2025  
/0 Ramadan 1446H

**Semua Juruukur Tanah Berlesen**

YBhg. Datuk Seri LSr/ Datuk LSr/ Dato' LSr/ Tuan LSr/ Puan LSr,

**SURAT PEKELILING  
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2025**

---

**KAEDAH PELAKSANAAN PENDAFTARAN ARTICLE PERSON (AP)  
MENGUNAKAN KELAYAKAN SELAIN UKUR TANAH DAN GEOMATIK**

---

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini adalah bagi tujuan mendaftarkan mana-mana orang yang tidak mempunyai pengiktirafan kelayakan selain daripada kelulusan yang diiktiraf seperti di Jadual Ketujuh, Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 bagi tujuan permohonan pendaftaran di bawah subseksyen 9(1) Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 telah dipinda melalui Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 dengan menggantikan Bahagian III dengan Artikel dan Orang Berartikel.
- 2.2 Pada subperaturan 13 (2), Sebelum seseorang membuat suatu Artikel, dia hendaklah mengemukakan keterangan bahawa dia telah memperoleh –
- (a) *kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh; atau*
  - (b) *apa-apa kelayakan yang berkaitan dengan ukur geomatik, sebagaimana yang boleh diluluskan oleh Menteri, atas syor Lembaga.*
  - (c) *Seseorang yang memegang kelayakan sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri di bawah perenggan 2(b) hendaklah lulus apa-apa peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga sebelum orang itu membuat suatu Artikel.*
- 2.3 Namun demikian, pada peraturan-peraturan tersebut tidak menjelaskan peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga bagi tujuan yang dinyatakan pada subperaturan 13 (3), Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011.
- 2.4 Pelaksanaan surat pekeliling ini akan menjelaskan syarat-syarat dan kaedah pelaksanaan permohonan sebelum pengesyoran oleh Lembaga kepada YB Menteri.

## 3. SYARAT-SYARAT AM

- 3.1 Semua permohonan hendaklah mematuhi semua syarat-syarat am berikut:
- i. Mempunyai ijazah sarjana muda yang berkaitan dengan bidang ukur tanah atau geomatik;
  - ii. Mempunyai sekurang-kurangnya minima tiga (3) kertas yang berkaitan dengan ukur atau geomatik; dan
  - iii. Mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya dua (2) tahun.

## 4. PELAKSANAAN

4.1 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Lembaga dengan menyertakan surat permohonan beserta dengan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:

- i. Resume pemohon;
- ii. Salinan kad pengenalan;
- iii. Salinan ijazah sarjana muda; dan
- iv. Salinan transkrip.

4.2 Setiausaha setelah menerima permohonan yang lengkap dan teratur akan membuat semakan dan membawa permohonan tersebut kepada Mesyuarat Lembaga untuk syor pertimbangan, dan seterusnya untuk kelulusan menteri.

4.3 Setelah kelulusan diperolehi daripada YB Menteri, Pihak Lembaga akan mengeluarkan surat kelulusan berserta dengan kertas-kertas peperiksaan yang perlu diambil kepada pemohon.

4.3.1 Setiap kertas peperiksaan adalah tiga (3) jam kredit dan minima jumlah jam kredit adalah sebanyak tiga puluh (30) jam kredit untuk lulus. Kertas-kertas peperiksaan yang diambil adalah merangkumi bidang-bidang seperti berikut:

- i. Kadaster
  - Ukur Kadaster
  - Kerjalar Kadaster
- ii. Perundangan tanah
  - Peraturan dan Perundangan Tanah
- iii. Geodesi
  - Geodesi Asas
  - Geodesi Lanjutan
- iv. Ukur Kejuruteraan dan Topografi
  - Ukur Kejuruteraan dan Topografi Asas
  - Ukur Kejuruteraan
  - Teknologi Ukur Kejuruteraan
- v. Pelarasan Ukur
  - Pelarasan Ukur Asas
  - Pelarasan Ukur Lanjutan

vi. Pemetaan

- Ukur bawaan udara
- Ukur dan pemetaan bawah tanah
- Penentududukan satelit asas
- Penentududukan satelit lanjutan
- Kartografi
- Fotogrametri
- *Remote Sensing*
- Sistem maklumat geografi (GIS)

4.3.2 Pihak Lembaga boleh menetapkan berapa jumlah kertas peperiksaan yang perlu diambil oleh pemohon berdasarkan kepada transkrip peperiksaan, namun pihak Lembaga tidak tertakluk kepada jumlah minima yang ditetapkan seperti mana perenggan 4.3.1.

- 4.4 Pemohon boleh berhubung dengan institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Lembaga bagi mengambil kertas-kertas peperiksaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak institusi pengajian tersebut. Pemohon juga digalakkan mengambil kursus yang ditawarkan sebelum menduduki peperiksaan. Pemohon yang telah lulus setiap kertas peperiksaan akan diberikan sijil oleh pihak institusi pengajian.
- 4.5 Pemohon yang telah melengkapkan syarat-syarat permohonan dan lulus kesemua peperiksaan yang ditetapkan boleh mengemukakan kepada Lembaga untuk surat perakuan kelayakan dan permohonan untuk berartikel.
- 4.6 Segala kos disepanjang tempoh pengajian adalah di bawah tanggungan pemohon.

## 5. TARIKH BERKUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**'MALAYSIA MADANI'**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' LSR HAZRI BIN HASSAN)**

Pengerusi  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

s.k.

Salinan Dalaman

1. Setiausaha Lembaga

Salinan Luaran

1. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia
2. Presiden Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah  
Malaysia